

Nama Suratkhbar : Berita Harian (Segmen Rencana)

Tarikh : Rabu, 9 Oktober 2013

Mukasurat : 27

10 OKTOBER 2013 KHAMIS
(Segmen Rencana) - ms 27

Menyelusuri Bulan Bahasa Kebangsaan

Strategi terancang bela, tingkat kedaulatan bahasa Melayu

Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang diraikan saban tahun pada Oktober, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sebenarnya adalah kesinambungan kegiatan kebahasaan yang pernah diadakan pada 1960-an. BBK yang bermula pada 1961, sebenarnya bermula dengan Minggu Bahasa Kebangsaan (MBK). Ia dilancarkan pada 30 Januari 1960 di Kuala Lumpur oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

MBK bertujuan membawa rakyat ke satu lagi tahap dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Ia juga langkah nyata dalam usaha untuk melaksanakan peranannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

MBK yang digantikan dengan BBK, dilancarkan di Stadium Merdeka pada 22 Julai 1961. Ia dihadiri sekitar 20,000 orang, yang terdiri daripada menteri, wakil rakyat, ketua jabatan, pegawai tinggi dan seluruh kakitangan kerajaan. Pada BBK kali pertama ini, Ikrar Bahasa Kebangsaan dilafazkan bukan saja dalam Stadium Merdeka oleh semua hadirin pada jam 5.15 petang. Ikrar ini ikut dilafazkan serentak di seluruh negara pada detik yang sama.

Mendaulatkan bahasa Melayu

Ia dilakukan untuk menyampaikan mesej bahawa seluruh rakyat bersatu hati dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu. Pada ketika itu, seluruh negara bergema dengan pengakuan rakyat untuk memulihkan kedudukan bahasa Melayu, selain menunjukkan kasih sayang dan taat setia kepadanya dan negara.

Sejak itu, BBK diraikan setiap tahun sehingga 1967. Sehubungan ini, ia adalah kempen untuk menyebarluaskan gagasan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Selain itu, ia juga bertujuan membangkitkan keyakinan terhadap kemampuannya untuk memajukan rakyat dan membangunkan negara.

Dengan kata lain, BBK diadakan bagi memperoleh sokongan rakyat untuk menerima dan meyakini bahasa Melayu, khususnya sebagai wahana kemajuan. Untuk ini, pelbagai kegiatan persuratan disusun untuk memperlihatkan kewibawaan bahasa Melayu.

Antaranya ialah perbahasan, pertandingan pidato, lakonan dan seumpamanya, yang dianjurkan di setiap daerah di seluruh negara. Kemuncaknya ialah pertandingan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan antara peserta yang mewakili negeri masing-masing.

Mercu BBK 1960-an ialah kelulusan Akta Bahasa Kebangsaan di Parlimen pada 1 September 1967. Ia bukan saja tindakan tepat untuk memastikan Perkar 152 Perlembagaan Persekutuan terus dilaksanakan. Ia juga langkah jitu

untuk menguatkuasakan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal, setelah tamat tempoh perkongsian taraf itu dengan bahasa Inggeris.

BBK 1960-an sebenarnya adalah perang saraf untuk mematahkan hasrat dan usaha antinasional yang diperlihatkan beberapa pihak, khususnya golongan elit. Mereka ini sentiasa cuba meniadakan kuasa tinggi dan kedudukan mulia yang diberikan kepada bahasa Melayu.

Lindungi bahasa kebangsaan

Sehubungan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selaku urus setia BBK bekerja kuat untuk memastikan kedaulatan bahasa Melayu tidak sekali-kali tergugat. Untuk ini, DBP banyak menyelar pihak yang menentang bahasa Melayu, dengan mengeluarkan kenyataan keras, sebagai pelindungnya.

Selain ini, DBP juga menggunakan kaedah bujukan dengan menyebarkan mengenai kegemilangan bahasa Melayu lampau, yang masih boleh dijadikan prasarana semasa pada waktu itu dan juga yang mendatang.

Setelah tidak diteruskan lagi pada 1968, ia disambung semula pada 1999 dengan mengambil nama Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN). Ini berlangsung sehingga 2008. Pada 2009, BBSN digantikan sekali lagi dengan nama BBK.

Kini BBK terus diraikan dengan pelbagai kegiatan persuratan Melayu. Antara yang utama ialah Kembara Bahasa yang merupakan penjelajahan dari segenap pelosok negara oleh semua pihak yang mengambil bahagian, yang akhirnya bercantum di sebuah tempat, Putrajaya misalnya. Kembara ini sebenarnya bertujuan menyatakan tekad untuk terus cecal mendaulatkan bahasa Melayu.

BBK 2013 selain perhimpunan memperteguhkan sikap positif terhadap bahasa Melayu, perlu juga dipenuhi dengan tindakan dinamik, tegas, berani dan berkesan, untuk terus melindungi syiar bahasa Melayu sebagai bahasa negara.

Dalam hal ini, BBK 2013 perlu ikut mengecam pihak yang masih mahu terus menentang bahasa Melayu, walaupun setelah lebih daripada setengah abad kita membinanya.

Untuk ini, ia perlu mempertahankan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, yang ditohmahkan sebagai banyak mengutamakan bahasa Melayu. Ini kerana BBK adalah wadah tepat yang boleh menafikan tohmahan ini.



TEO KOK SEONG

Penulis
ialah Profesor Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia